

MEMORANDUM PENGURUSAN AUDIT (MPA)

TAJUK: TAKLIMAT KEPENTINGAN PELAKSANAAN AUDIT PRESTASI - DARI DATA KE NILAI: MEMPERKASA KEPUTUSAN MELALUI AUDIT PRESTASI DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) – SIRI 3

1. Pengenalan

Unit Audit Dalam (UAD) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) komited dalam memperkukuh sistem audit dalam sebagai mekanisme pemantauan dan penambahbaikan berterusan. Selaras dengan matlamat ini, analisis data kepada nilai keputusan memerlukan disiplin audit prestasi yang menumpukan kualiti data, analisa ringkas, dan penceritaan dapatan yang meyakinkan. Taklimat ini memberi fokus bagaimana audit prestasi dapat membantu menganalisa data kepada cadangan yang boleh dilaksanakan.

2. Objektif

- a. Menentukan dan mengenalpasti kaedah proses pengurusan prestasi menggunakan data yang tepat, analitik yang sesuai, dan insight yang jelas untuk menyokong keputusan pengurusan yang mendorong penjimatan kos, peningkatan produktiviti, serta penambahbaikan kualiti perkhidmatan.
- b. Menyeragamkan keperluan data & bukti dari sudut sumber data dan kawalan kualiti.
- c. Memantapkan penyampaian dapatan melalui naratif & visual ringkas (dashboard/infografik).

3. Latar Belakang & Justifikasi

Tujuan taklimat ini adalah untuk memastikan data operasi dapat diterjemah kepada cadangan berimpak melalui penyeragaman keperluan dan kualiti data merentas sistem/unit, disokong oleh analitik yang ringkas, tepat pada masanya dan mudah difahami. Pendekatan ini diperkukuh dengan visualisasi yang seragam bagi meningkatkan kebolehbandingan dapatan, mengukuhkan asas bukti untuk keputusan pengurusan, serta mempercepat kefahaman dan persetujuan tindakan susulan. Akhirnya, dapatan yang lebih jelas dan boleh dipercayai akan memacu pelaksanaan penambahbaikan yang lebih cepat dan bernilai tinggi.

4. Jangkaan Output

- a. Panduan ringkas menmproses data ke nilai yang merangkumi templat rancangan pensampelan,
- b. Dapatan audit yang berstruktur, padat, dan berfokus kepada tindakan.
- c. Spesifikasi minimum sumber dan data merentas unit bagi menyokong pelaksanaan audit prestasi seterusnya.

5. Tujuan

Untuk berkongsi kepada semua warga mengenai kepentingan tentang kaedah dan teknik untuk memproses data sebagai tindakan kepada keputusan yang lebih berimpak. Selain itu, untuk memperkasa keputusan berasaskan bukti melalui analisa ringkas dan visualisasi yang mudah difahami di samping membantu mempercepat pelaksanaan penambahbaikan bernilai tinggi.

6. Kaedah Pelaksanaan

Sesi taklimat akan dijalankan secara atas talian, seperti berikut:

Tarikh : 28 Oktober 2025 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengah hari
Platform: Atas Talian (Teams)
Penceramah : Encik Azunan bin Daud
Ketua Bahagian Audit Dalam
Kementerian Dalam Negeri (KDN)

7. Maklumat Peserta

Seramai 50 orang warga MPC terdiri daripada Wakil Pengurusan, Kumpulan P&P dan Sokongan di Ibu Pejabat & Pejabat Wilayah.

8. Anggaran Perbelanjaan

Melibatkan kos bayaran penceramah, seperti berikut:

Bil	Butiran	Kadar	Kuantiti	Peruntukan	Jumlah (RM)
1.	Bayaran Penceramah	RM300/jam	2 jam	Operasi (Mengurus) CSL/IA - P29404	600.00
Jumlah Keseluruhan (RM)					600.00

9. Syor

Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan permohonan bagi melaksanakan Taklimat Kepentingan Pelaksanaan Audit Prestasi – Data Ke Nilai: Memperkasa Keputusan Melalui Audit Prestasi Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) – Siri 3 dengan anggaran kos perbelanjaan sebanyak RM600.00 sahaja.

Disediakan oleh:



Mohamad Nor Bolhi
Pengurus
Unit Audit Dalam
Tarikh: 17/10/2025

Disokong oleh:



Asmahan Othman
Pengurus Kanan
Ketua Unit Audit Dalam
Tarikh: 17/10/2025